



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perubatan (Pindaan) 1980
DR.6/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perubatan (Pindaan) 1980.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Seksyen 34B hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mei 1973.

2. Seksyen 3 Akta Perubatan 1971, yang mana dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 3.
Akta 50.

(a) dengan memotong perenggan-perenggan (b), (c), (e) dan (i) seksyen-kecil (1) dan menghurufkan semula perenggan (d) sebagai perenggan (b);

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) seksyen-kecil (1) yang dihurufkan semula itu perenggan baru (c) yang berikut:

"(c) tiga orang pengamal berdaftar penuh daripada tiap-tiap satu Fakulti Perubatan dari lain-lain Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, yang akan dinamakan dari antara ahli-ahli Fakulti itu oleh Majlis Universiti itu masing-masing dan dilantik oleh Menteri;"

Akta 30.

(c) dengan menghurufkan semula perenggan-perenggan (f), (g) dan (h) seksyen-kecil (1) yang sedia ada masing-masing sebagai perenggan-perenggan (d), (e) dan (f);

(d) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (f) seksyen-kecil (1) yang dihurufkan semula itu perenggan baru (g) yang berikut:

“(g) tiga orang pengamal berdaftar penuh daripada perkhidmatan awam yang akan dilantik oleh Menteri.”;

(e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(d) dan (e)” dan perkataan-perkataan “(f) hingga (i)” dalam seksyen-seksyen-kecil (2), (5) dan (6) masing-masing dengan perkataan-perkataan “(b) dan (c)” dan perkataan-perkataan “(d) hingga (g)”;

(f) dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau dilantik” selepas perkataan “dipilih” di mana jua ianya terdapat dalam seksyen-seksyen-kecil (2), (5), (9) (kecuali proviso), (13) dan (14);

(g) dengan menggantikan seksyen-kecil (7) dengan yang berikut:

“(7) Ahli-ahli yang dipilih di bawah perenggan-perenggan (d), (e), (f) dan (g) seksyen-kecil (1) hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun:

Dengan syarat bahawa dari antara sembilan orang ahli yang mula-mula dipilih di bawah perenggan (d), tiga orang hendaklah berhenti memegang jawatan pada akhir tahun pertama selepas pemilihan mereka dan tiga orang lagi pada akhir tahun kedua selepas pemilihan mereka; pemilihan ahli-ahli yang akan berhenti memegang jawatan hendaklah dibuat secara persetujuan antara ahli-ahli yang dipilih di bawah perenggan (d) tersebut atau, jika persetujuan seperti itu

tidak boleh dicapai atau jika Yang di-Pertua, menurut budibicaranya yang mutlak, memutuskan, dengan mencabut undi dalam suatu mesyuarat Majlis.”;

(h) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(e) hingga (i)” dalam seksyen-seksyen-kecil (8), (9), (13) dan (14) dengan perkataan-perkataan “(b) hingga (g)”;

(i) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(f) hingga (i)” dalam proviso kepada seksyen-kecil (9) dan dalam seksyen-kecil (10) dengan perkataan-perkataan “(d) hingga (f)”;

(j) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(e) hingga (i)” di mana jua ianya terdapat dalam seksyen-seksyen-kecil (11) dan (12) dengan perkataan-perkataan “(b) hingga (f)”.

3. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja seksyen-kecil (1) seksyen-kecil baru (1A) yang berikut:

“(1A) Bagi maksud-maksud seksyen-kecil (2) maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Kelayakan Perubatan yang terdiri daripada—

(a) Ketua Pengarah sebagai Pengerusi; dan

(b) sebilangan wakil yang sama banyak daripada tiap-tiap satu Fakulti Perubatan dari Universiti-universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, yang akan ditetapkan dan dilantik oleh Menteri.”;

Akta 30.

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Universiti Malaya” dan perkataan “Universiti” di mana jua ianya terdapat dalam seksyen-kecil (2) masing-masing dengan perkataan-perkataan “Lembaga Kelayakan Perubatan” dan perkataan “Lembaga”.

Pindaan
bagi
seksyen 13.

Seksyen
baru 34B.

4. Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 34A seksyen baru 34B yang berikut :

“Tang-
gungan
Kerajaan
terhadap
tort yang
dilakukan
oleh
pengamal
bukan
Kerajaan
semasa
merawat
pesakit
atas per-
mintaan
atau melalui
perkiraan
dengan
Kerajaan.

58/56.

34B. Seseorang pengamal berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa yang sah, yang bukan seorang pegawai awam dan yang, atas permintaan atau melalui perkiraan dengan Kerajaan, menjalankan apa-apa penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan mengenai mana-mana pesakit dalam mana-mana hospital, klinik atau pusat kesihatan Kerajaan atau dalam mana-mana institusi Kerajaan seumpamanya yang lain hendaklah, semasa menjalankan penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan itu, disifatkan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud-maksud seksyen 5 Ordinan Pembicaraan Kerajaan 1956; dan walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (4) seksyen 6 Ordinan itu, pembicaraan boleh dibawa terhadap Kerajaan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau kemungkiran yang telah dibuat atau dilakukan oleh pengamal itu dalam masa menjalankan atau berkaitan dengan penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan itu.”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada Akta Perubatan 1971.

2. *Fasal 2* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan dalam keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia tiga pengamal perubatan berdaftar penuh daripada tiap-tiap satu Fakulti Perubatan dari Universiti-universiti tempatan dan menggantikan tiga orang ahli Majlis yang ada sekarang iaitu, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak dan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh bertempat di Malaysia Timur dengan tiga pengamal perubatan berdaftar penuh daripada perkhidmatan awam yang akan dilantik oleh Menteri.

3. *Fasal 3* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan suatu Lembaga yang akan dikenali sebagai Lembaga Kelayakan Perubatan yang terdiri daripada Ketua Pengarah dan sebilangan wakil yang sama banyak daripada tiap-tiap satu Fakulti Perubatan dari Universiti-universiti tempatan. Lembaga ini akan mengambil alih tanggungjawab Universiti Malaya dalam menyeliaikan perolehan pengalaman praktikal oleh pengamal perubatan berdaftar sementara.

4. *Fasal 4* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengemukakan suatu seksyen baru 34B yang akan menjadikan Kerajaan bertanggung di bawah seksyen 5 Ordinan Pembicaraan Kerajaan 1956 terhadap tort yang dilakukan oleh pengamal-pengamal perubatan bukan Kerajaan semasa merawat pesakit atas permintaan atau melalui perkiraan dengan Kerajaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan hanya dalam hal yang jarang dan tak mungkin berlaku iaitu jika sekiranya berjaya guaman yang dibawa terhadap Kerajaan menurut seksyen baru 34B itu. [PN. (U²) 878.]